

# PENILAIAN TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN INTEGRASI DAN HOLISTIK DI SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR

(An Assessment of The Integrated And Holistic Education System in Sekolah Rendah Agama  
Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor)

\* Kamarulnizam Sani<sup>1</sup>, Zetty Nurzuliana Rashed<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kluster Pendidikan dan Sains Sosial  
Open University Malaysia (OUM)  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: kama.sani06@gmail.com

## Article History:

Submit: 19 September 2018

Accepted: 30 November 2018

Revised: 5 December 2018

Published: 31 December 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 2 (2018), 1-6

## Abstrak

Kajian ini membincangkan penilaian terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik (IHES) di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian ini menggunakan model penilaian CIPP yang meliputi aspek penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Sampel kajian terdiri daripada 160 orang guru yang mengajar di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), JAIS. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan kajian tinjauan soal selidik dan temu bual (*mixed metode*). Kaedah kualitatif adalah untuk memperkukuhkan lagi data. Instrumen soal selidik mengandungi 51 item telah diubahsuai daripada instrumen Unit Latihan, Bahagian Pendidikan Islam JAIS dan penambahan oleh pengkaji berdasarkan soalan-soalan kajian. Indeks kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* kajian rintis berada pada tahap tinggi iaitu  $\alpha=0.925$ . Data kajian diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS). Jenis analisis statistik yang digunakan adalah merupakan jenis statistik deskriptif yang menggunakan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi menghuraikan profil responden dan menjawab persoalan kajian.

**Kata kunci:** Integrasi, holistik, pendidikan, kemenjadian, JAIS

## Abstract

*This study discusses the evaluation of The Integrated and Holistic Education System (IHES) in the Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). This study uses a CIPP assessment model covering aspects of context assessment, input assessment, process evaluation and product evaluation. The sample of the study consisted of 160 teachers teaching at Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). The study uses quantitative methods research design based on survey and interview (mixed method) to further strengthens the analyzed data. Instruments of the questionnaire consisting of 51 items were taken and modified from Training Unit, JAIS Islamic Education Division and by research questions formed by researcher. Two set of questionnaires were used in this study, (1) circulation for teachers and (2) inventory protocol interviews. Alfa Cronbach reliability index established during pilot study found at a high level of  $\alpha = 0.925$ . The study data has been processed and analyzed using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) software. The type of statistical analysis used to describe the respondent profile and answer the research questions is descriptive statistical type which uses min, standard deviation, frequency and percentage.*

**Key words:** Integration, holistic, education, becoming, JAIS

## 1.0 PENGENALAN

Terdapat satu sistem pendidikan sepadu dan menyeluruh yang digunakan oleh JAIS iaitu Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang memberi tumpuan khusus kepada pengintegrasian tiga elemen utama iaitu program pembangunan potensi insan, kurikulum dan media yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam mencapai falsafah, misi dan visi bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor. Pembangunan potensi insan yang seimbang dan menyeluruh adalah mencakupi aspek

akal, hati, jiwa, roh dan jasad yang mempunyai 23 potensi di mana mampu menjana generasi al-Quran yang ikhlas, bertaqwa dan diredhai serta berperanan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi.

Kurikulum yang berpandukan IHES ini dibangunkan dan diperkembangkan untuk meningkatkan dan menyuburkan potensi insan bagi mencapai kesejahteraan dan keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat dengan menggabungkan lima jenis kurikulum. Media berperanan sebagai pengupaya (*enabler*) dan pelengkap kepada IHES. Kepelbagaian media digunakan untuk menyediakan suasana yang selesa dan menyokong serta melicinkan pelaksanaan IHES di sekolah seperti prasarana, teknologi dan lain-lain.

Pentaksiran dan penilaian dalam IHES bukanlah semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan (*examination based learning*) tetapi memberi tumpuan dan fokus yang bersepadu, seimbang serta menyeluruh dalam usaha membentuk kemenjadian (*outcome based learning*) generasi al-Quran berasaskan aqidah iaitu menghayati segala ilmu yang diperolehi, dapat membentuk akhlak mulia, meningkatkan kecekapan dan kemahiran, pencapaian akademik dengan berterusan dan akhir sekali dapat mengamalkan dan kehidupan. Oleh itu, fokus kajian adalah memberikan tumpuan kepada pembentukan akhlak mulia (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2011).

## 2.0 LATARBELAKANG DAN PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang paling utama adalah kefahaman dan kemahiran guru tentang IHES dan modul pelaksanaannya. bagi melaksanakan IHES di SRAI, guru-guru perlu memahami tentang asas dan objektif sistem ini. pengkaji telah menemui bual salah seorang pegawai unit latihan, Bahagian Pendidikan Islam JAIS pada november 2016, telah memaklumkan bahawa pengetahuan dan kefahaman dalam melaksanakan IHES hanya terbatas kepada Guru Besar dan Guru Penolong Kanan sahaja. maklumat ini tidak dapat disampaikan kepada guru-guru yang lain. Ini adalah kerana kursus IHES hanya diberikan kepada Guru Besar sahaja. Pengkaji juga telah menemubual salah seorang Guru Besar pada Oktober 2016 telah menyatakan kekurangan segala info seperti kursus IHES dari pihak JAIS ke sekolah di daerah adalah terbatas. Segala pelaksanaan perkara yang baharu tidak lari dari masalah-masalah yang timbul.

Permasalahan lain turut dinyatakan oleh Zetty Nurzuliana dan Ab. Halim (2014), telah wujud pendidikan dualisma iaitu mengasingkan konsep ilmu duniawi dan ukhrawi. Natijah daripada itu, wujudnya dua generasi yang saling bertentangan dalam membangunkan masyarakat. Sistem pendidikan perlu seimbang dalam gabungan ilmu wahyu dan ilmu akal supaya menjadi satu sistem pendidikan yang akan melahirkan individu yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Oleh itu, pengkaji telah memilih permasalahan ini bagi meneruskan kajian yang lebih mendalam mengenai "Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam negeri Selangor. Keseluruhan murid-murid di sekolah ini merupakan satu produk kemenjadian yang akan memainkan peranan penting pada masa hadapan. Kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi, pengetahuan dan amalan mereka dalam kehidupan seharian.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif khusus ditetapkan dalam kajian ini iaitu menilai pelaksanaan IHES di SRAI, JAIS dalam penilaian konteks yang mempunyai elemen kerelevanan pelaksanaan matlamat dan hasil kemenjadian murid. Manakala persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini adakah kajian ini mampu menjawab tahap kerelevanannya memberikan impak matlamat dan hasil kemenjadian murid yang tinggi?

## 4.0 METODOLOGI KAJIAN


Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah metode campuran (*mixed methode*) menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengenal pasti sejauhmana keberkesanan IHES di sekolah rendah agama JAIS. Bagi mengkaji penilaian, data perlu diambil dari tempat lapangan dan akan dikumpul dan dianalisa. Kaedah pengumpulan data ini penting kerana data yang dikumpulkan dapat diperincikan (Strauss & Corbin 1990; Glaser & Strasuss 1967). Selain itu ia berkepentingan agar dapat meningkatkan lagi kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian (Meriam 1998 dalam Kamarul Azmi 2010).

Dalam mengkaji penilaian IHES, pengkaji menjalankan kajian berdasarkan secara berperingkat menggunakan dua fasa. Fasa pertama mengedarkan soalan kaji selidik terhadap guru-guru yang mengajar di SRAI. Ini bertujuan bagi guru menilai tahap kemenjadian murid dan dapat mengetahui sikap seseorang (Mohd Najib, 1999). Selain itu juga, kaji selidik juga dapat memberikan maklumat yang berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Mohd Majid Konting, 1990).

Manakala fasa kedua, pengkaji telah menjalankan kaedah pengumpulan data melalui pendekatan Kualitatif. Tiga kaedah pengumpulan data yang dipraktikkan iaitu secara temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah ini penting sebagai sokongan data utama daripada data soal selidik. Melalui kaedah ini, pengkaji mudah menerima cadangan dan mengetahui permasalahan berlaku ketika pelaksanaan IHES. Kesemua data dianalisis secara deskriptif (Mohd Najib, 1999) bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Menurut Sukmadinata (2006), deskriptif merupakan satu bentuk penelitian untuk mendeskripsi fenomena-fenomena yang ada iaitu karakteristik, perubahan, hubungan, kesamaan, dan perbezaan antara fenomena.

Bagi memantapkan kajian penilaian IHES ini, pengkaji telah memfokuskan penggunaan penilaian yang telah dikemukakan oleh Sufflebeam (1971), yang dinamakan model penilaian CIPP/KIPP (konteks, input, proses dan produk). Model ini telah dibentuk pada tahun 60an di Austin Texas dengan berorientasikan objektif. Konsep yang dikemukakan oleh Sufflebeam ini adalah "*sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan*". Pengkaji mengkaji IHES di SRAI, JAIS dengan cara mengumpul data, merancang, menganalisis, menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurut Sufflebeam, tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan mengenai persekitaran (konteks), keputusan mengenai sumber (input), keputusan mengenai pelaksanaan (proses) dan keputusan mengenai hasil (produk). Pengkaji akan mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Ia bertujuan menentukan kesesuaian sistem IHES di SRAI, memperbaiki dan menggalakkan pertumbuhan dan perjalanan sistem ini. Model CIPP ini juga dapat membantu pengkaji untuk mengukur, menterjemahkan, mengesahkan perjalanan sistem di sekolah rendah agama integrasi, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dan seterusnya dapat menentukan suatu perubahan.

Pengkaji telah melakarkan model CIPP yang telah diubah suai dari model Sufflebeam bagi kajian penilaian IHES.



Rajah 1: Model Kerangka Konsep Penilaian IHES

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Setelah kajian dijalankan, pengkaji mendapati bahawa tahap kerelevanan matlamat dan hasil pendidikan integrasi dan holistik di sekolah rendah agama integrasi JAIS adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan bahawa setiap item dalam subkontrak kerelevanan matlamat dan hasil pendidikan integrasi dan holistik berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah matlamat IHES adalah untuk mencapai objektif menyucikan aqidah, meningkatkan keikhlasan dalam beribadah dan menyempurnakan akhlak murid (min = 4.43; SP = 0.641). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 81 orang (50.6%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 68 orang (42.5%) guru menyatakan setuju, seramai 10 orang (6.2%) guru menyatakan sederhana setuju, seramai 1 orang (0.6%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah matlamat sistem pendidikan integrasi dan holistik sesuai dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (min = 4.16; SP = 0.784). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 54 orang

(33.7%) guru menyatakan sangat setuju, seramai 87 orang (54.3%) menyatakan setuju, seramai 16 orang (10%) menyatakan sederhana setuju, seramai 1 orang (0.6%) menyatakan tidak setuju dan seramai 3 orang (1.8%) menyatakan sangat tidak setuju.

Jadual 1: Taburan Data Pemboleh Ubah Kerelevanan Matlamat dan Hasil Pendidikan Integrasi dan Holistik

Item	Pernyataan	STS	TS	SS	S	SS	Min	SP	Interprestasi
01	Matlamat sistem pendidikan integrasi dan holistik adalah untuk mencapai objektif menyucikan aqidah, meningkatkan keikhlasan dalam beribadah dan menyempurnakan Akhlak murid.	-	(1) 0.6%	(10) 6.2%	(68) 42.5%	(81) 50.6%	4.43	0.641	Tinggi
02	Sistem pendidikan integrasi dan holistik dapat memberikan pengetahuan secara reflektif dalam situasi sebenar di sekolah.	(2) 1.2%	(1) 0.6%	(16) 10%	(87) 54.3%	(54) 33.7%	4.19	0.737	Tinggi
03	Matlamat sistem pendidikan integrasi dan holistik sesuai dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.	(3) 1.8%	(1) 0.6%	(17) 10.6%	(85) 53.1%	(54) 33.7%	4.16	0.784	Tinggi
04	Matlamat sistem pendidikan integrasi dan holistik sesuai dengan Falsafah Pendidikan Islam JAIS.	(1) 0.6%	(2) 1.25%	(8) 5.0%	(90) 56.2%	(59) 36.8%	4.27	0.672	Tinggi
Min keseluruhan= 4.01, Sisihan Piawai = 0.549									Tinggi

Hasil dapatan kajian memberikan kesan yang positif kepada peserta terhadap kerelevanan matlamat dan hasil pendidikan integrasi dan holistik. Objektif pendidikan dalam IHES yang ditekankan kepada warga pendidikan JAIS adalah mencapai matlamat insan apa yang dinamakan sebagai “Generasi al-Quran”. Matlamat ini bagi memperkukuhkan tahap akidah seseorang insan agar ianya tidak lari dari sifat tauhid dan kepercayaan yang jitu kepada Allah, memantapkan lagi pelaksanaan ibadah agar sifat hamba akan terus ditanam di dalam hati dan menjadi suatu jaminan ke syurga, memperbaiki akhlak agar Islam dipandang tinggi dan seterusnya mempersiapkan diri bagi menempuhi zaman akhirat iaitu dengan erti kata lain jangka masa panjang.

Selari dengan matlamat integrasi dan holistik ini, natijah kemenjadian seseorang dipandang dari sudut yang amat luas. Generasi al-Quran merupakan sesuatu tindakan agar khalifah di muka bumi ini adalah ditugaskan untuk melaksanakan ibadah semata-mata kepada Allah SWT. Berorientasikan kemenjadian insan, natijah ini dapat dilihat dengan bermatlamatkan murid yang menghayati ilmu yang dipelajari, dapat membentuk akhlak yang terpuji, melahirkan murid yang cekap dan berkemahiran dan seterusnya untuk mencapai kecemerlangan akademik untuk diaplikasikan dalam kehidupan.

Kajian ini selari dengan kajian Zetty Nurzuliana Rashed et. al. (2014) menyatakan potensi dan bakat insan boleh melahirkan peribadi holistik atau modal insan yang berkualiti. Ia didasari dengan pendidikan ilmu integratif agar kemajuan umat Islam dan manusia terbina atas asas kepentingan fikir, zikir, kemahiran dan nilai.

Dalam kajian ini, peserta kajian mempercayai bahawa IHES dapat memberikan pengetahuan secara reflektif dalam situasi sebenar di sekolah. Ia dapat dibuktikan semasa PdP dijalankan, peserta kajian akan mengaitkan dengan hukum-hukum atau permasalahan semasa untuk murid mengamalkannya. Kajian

ini selari kajian Arifin dan Dan (2002), telah menyatakan matlamat pendidikan yang sepadu dapat melahirkan insan yang cemerlang dari aspek intelek dan tinggi ketakwaan kepada Allah.

Seterusnya, dalam kajian ini telah mendapati bahawa peserta menyatakan kerelevanan IHES adalah sesuai dengan keperluan dan pembelajaran di sekolah. Ini selari dengan padangan Arifin dan Dan (2002) menyatakan pendidikan yang bersepadu tidak menjadi suatu halangan dalam PDP kerana matlamat pendidikan meliputi skop yang amat luas. Malahan kajian ini telah mendapati IHES amat bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Islam JAIS iaitu satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

## 6.0 CADANGAN

Pihak Bahagian Pendidikan Islam JAIS perlu memperluaskan lagi kefahaman dan pengetahuan guru-guru terhadap pelaksanaan IHES mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara berkala dan berpusat sama ada di peringkat negeri mahu pun di peringkat daerah.

Selain itu juga JAIS perlu membangunkan sistem latihan IHES kepada guru-guru dengan lebih komprehensif bagi jangka masa panjang. Ini termasuklah dengan membangunkan sistem latihan atas talian dengan sokongan gajet terkini.

Pihak Bahagian Pendidikan Islam JAIS perlu mempertingkatkan penambahbaikan agar lebih inovasi dan keberkesannya terhadap Rancangan Pengajaran Harian (RPH) supaya menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru lebih berkesan.

Akhir sekali, pengkaji menjalankan kajian ini hanya dijalankan di SRAI JAIS sahaja. Oleh itu dicadangkan kepada pengkaji seterusnya agar mengembangkan kajian pada populasi yang lebih besar kepada sampel yang lebih besar dan luas melibatkan SRA, Pra Sekolah dan Kafa Integrasi.

## 7.0 RUMUSAN

IHES melahirkan satu budaya dan konteks yang bermatlamatkan objektif kemenjadian murid. Ia perlu disokong dengan kemahiran dan kefahaman seseorang guru tentang sistem ini, dibantu dengan memperluaskan dan mempromosikan secara kreatif dan inovatif menggunakan pelbagai media. Proses pelaksanaan perlu disusun dan dibantu dengan peralatan bagi memantapkan lagi penggunaan RPH dan Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) serta penggunaannya perlu mahir dalam kalangan guru.

Akhir sekali segala gabungan ini akan melahirkan apa yang dinamakan generasi al-Quran bagi memastikan keupayaan mengamalkan pada jangka masa pendek atau panjang terhadap murid-murid akan berkekalan. Secara penambahannya, faktor kemenjadian murid juga berdasarkan beberapa faktor seperti peranan ibu bapa, guru, sekolah, masyarakat dan pemimpin akan menyuburkan potensi insan bagi mencapai kesejahteraan dan keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat.

## 8.0 RUJUKAN

- Arifin, T. & Dan, N. A. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu. Bandar Baru Bangi. As-Syabab Media.
- Bahagian Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor. (2014). Kurikulum Pendidikan Islam Jais. Shah Alam:JAIS.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan. (2013). Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) IHES Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor. Shah Alam: Bahagian Pendidikan Islam.
- Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan. Borang Kaji Selidik. Keberkesanan Pelaksanaan Integrated Holistic Education System (IHES) Di Sekolah-sekolah Agama Rintis IHES Negeri Selangor tahun 2008-2016
- Kamarul Azmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Phd. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Miller, J. & Glassner, B. (1987). *The 'Inside' and the 'Outside': Finding Realities in Interviews*. London: SAGE Publications.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stufflebeam, D.L. (2000). *Lessons in Contracting for Evaluations*. *American Journal of Evaluation*, 21, 293-314.
- Sukmadinata. (2006). *Metode Penelitian Kualitatif*. Bandung: Graha Aksara.
- Stufflebeam, D.L. (1987) *Professional Standards for Assuring the Quality of Educational Program and Personnel Evaluations*. "International Journal of Educational Research"11(1), 125-143.
- Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan Al-Quran Dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab. Halim Tamuri. (2014). *Melahirkan Generasi Al-Quran Melalui Kurikulum Pendidikan Integrasi Dan Holistik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*. Dlm. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Bangi: KUIS.